

MAHATHIR-BRITAIN 'R'R'R'

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 2 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI TINDAKAN MENARIK BALIK ARAHAN TIDAK MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH KECUALI BENAR-BENAR PERLU, IALAH KERANA BARANG-BARANG ITU KINI LEBIH MURAH.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA KERAJAAN KINI TERPAKSA MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH, ARAHAN ITU TIDAK BERLAKU LAGI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI BAHAWA ADALAH BODOH JIKA MALAYSIA TIDAK MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH KINI PADA KETIKA SATU PAUN STERLING BERNILAI CUMA KIRA-KIRA \$3.40.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK PERNAH BERKATA BELI BARANG-BARANG SEBAGAI TINDAKAN TERAKHIR SAHAJA.

+APA YANG SAYA KATAKAN IALAH DIMANA MUNGKIN JANGAN MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH TETAPI JIKA HARGANYA MURAH ADALAH TIDAK BIJAK UNTUK TIDAK BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA.

BELIAU MENAMBAH MALAH KERAJAAN TELAH MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH PADA MASA INI. -- LAGI 1750/PA

ZCZC 8641

MAHATHIR-BRITAIN 2 KUALA LUMPUR

BILA DITANYA MENGENAI BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE, ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTRA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU KINI DIKENDALI DAN DIURUSKAN DENGAN BAIK OLEH PARA PEGAWAI BANK BUMIPUTRA.

TAMBAHNYA MEMANDANGKAN INI BELIAU TIDAK PERLU CAMPURTANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM URUSAN PERNIAGAAN ADALAH PERLU MENGATASI MASALAH ITU DAN BANK ITU SEDANG BERBUAT DEMIKIAN.

DITANYA SAMA ADA TINDAKAN AKAN DIAMBIL KE ATAS PARA PEGAWAI BANK YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG BANK DENGAN MENGELUARKAN PINJAMAN KEPADA TIGA BUAH FIRMA HARTANAH HONG KONG ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN AKAN DIAMBIL BILA-BILA MASA SAHAJA.

BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE DILAPORKAN TELAH MENGELUARKAN PINJAMAN BERJUMLAH KIRA-KIRA \$1,000 JUTA KEPADA TIGA BUAH FIRMA HONG KONG ITU -- CARRIAN GROUP, THE EDA GROUP DAN PENGUASAH KEVIN HSU--YANG DIKATAKAN KINI MENGHADAPI KESULITAN DISEBABKAN KEMELESETAN PASARAN HARTANAH HONG KONG.

MENGENAI KEADAAN EKONOMI NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA PARA ANGGOTA UMNO MENYEDARI TENTANG MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN KINI. -- BERNAMA 1755/PA